❤PENANG

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

16 - 30 JUN, 2026

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Prestasi fiskal kukuh

## hasil negeri kembali kepada rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**



**KETUA Menteri menyerahkan teks ucapan perasmian kepada Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ke-15 yang berlangsung di sini pada 8 Mei lalu.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri terus mempamerkan prestasi fiskal cemerlang apabila berjaya mencatat kedudukan kewangan yang kukuh dengan lebihan semasa mencecah RM93.17 juta setakat 13 Mei 2026.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapan penggulungannya menegaskan bahawa pencapaian tersebut adalah hasil daripada disiplin kewangan yang ketat serta pengurusan hasil yang cekap, sekali gus membuktikan daya tahan ekonomi negeri dalam mendepani cabaran global.

Berdasarkan Penyata Akaun Hasil Disatukan (AHD), beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata, Kerajaan Negeri telah mengumpul hasil sebanyak RM403.39 juta meliputi hasil cukai, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil.

Manakala dari aspek perbelanjaan pula, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kekal berhemat dengan jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM310.22 juta.

"Keadaan ini menunjukkan amalan disiplin fiskal yang berterusan dalam memastikan setiap ringgit dibelanjakan secara terkawal dan berhemah bagi memastikan kelestarian baki akaun negeri," ujarnya pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 14 Mei 2026.

Menjawab isu penyaluran semula hasil kepada rakyat, khususnya berkaitan semakan kadar cukai tanah, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya memberi jaminan setiap tambahan sen yang diperoleh akan disalurkan semula demi manfaat awam.

"Dalam membuat setiap keputusan dasar, Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan keseimbangan antara memperkukuhkan kewangan negeri dengan kemampuan rakyat menghadapi kos sara hidup.

"Prinsip ini menjadi asas supaya pembangunan negeri yang mampan tanpa mengabaikan kebajikan rakyat," tegasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata bahawa pentadbirannya komited memastikan pengukuhan hasil negeri diterjemahkan secara langsung kepada manfaat rakyat melalui pemerkasaan empat sektor strategik utama seperti berikut:

- **Pembangunan Infrastruktur**

Penyediaan kemudahan awam berkualiti, moden dan efisien.

• *Sambungan di muka 3.*

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Perkukuh daya tahan ekonomi negeri

Gambar : **ALISSALA THIAN & SIEW CHIA EN**



**BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan bersama Tun Ramli Ngah Talib (duduk, tengah) selepas istiadat perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang perlu terus memperkukuh daya tahan ekonomi negeri serta memperhebat keupayaan dalaman dalam menghadapi ketidaktentuan geopolitik dan cabaran ekonomi global yang semakin kompleks ketika ini.

Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib berkata, ketegangan berpanjangan di beberapa rantau strategik dunia, khususnya Asia Barat, kini memberi kesan berantai terhadap kestabilan pasaran global melibatkan sektor tenaga, perdagangan dan rantaian bekalan antarabangsa.

Menurut beliau, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menerima tempias perkembangan tersebut.

"Kebergantungan negara terhadap rantau berkenaan adalah signifikan, melibatkan kira-kira 61 peratus import minyak, 30 peratus import gas asli cecair (LNG) serta hampir 40 peratus aliran minyak mentah dunia yang melalui Selat Hormuz.

"Justeru, Pulau Pinang tidak boleh sekadar menjadi pemerhati, sebaliknya perlu lebih bersedia dengan memberi penekanan terhadap kecekapan penggunaan tenaga, memperkukuh sekuriti makanan serta memastikan pengurusan fiskal yang berdisiplin dan berwawasan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas yang berlangsung di Dewan Undangan Negeri (DUN) berhampiran Lebuh Light di sini pada 8 Mei lalu.

Istiadat pembukaan dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Untuk Negeri Kita sebelum diteruskan dengan pemeriksaan kawalan kehormat Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Pulau Pinang oleh Tun Ramli.

Turut hadir, Speaker DUN, Dato' Seri Law Choo Kiang bersama isteri; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama isteri; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo bersama isteri serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Hadir sama, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali serta Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki Othman.

Mengulas lanjut, Tun Ramli berkata, asas ekonomi negara ketika ini masih kekal kukuh hasil tindakan proaktif dan tegas Kerajaan Persekutuan dalam mengurus cabaran ekonomi semasa.

"Berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2026 dianggarkan antara 4.0 hingga 5.0 peratus, manakala kadar inflasi dijangka kekal sederhana pada paras 1.5 hingga 2.5 peratus," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat (ADUN) supaya terus menjaga etika perbahasan dengan berteraskan fakta yang tepat serta cadangan yang membina demi memastikan institusi DUN Pulau Pinang terus dihormati rakyat.

"Dalam suasana penuh ketidaktentuan ini, sebarang kenyataan yang tidak berasaskan fakta atau bersifat spekulatif hanya akan menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat.

"Kita harus sentiasa mengingatkan diri bahawa tutur kata yang tidak wajar boleh membawa kesan negatif," pesannya sebelum mengakhiri ucapan.



**TUN Ramli Ngah Talib (tengah) menyempurnakan istiadat kawalan kehormat sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 pada 8 Mei lalu.**



**BARISAN Ahli Dewan Undangan Negeri dan ex-officio merakamkan momen bersama Law Choo Kiang (barisan belakang, tengah, bersongkok) pada hari terakhir persidangan 14 Mei lalu.**

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Inisiatif mitigasi tangani krisis tenaga global

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memperkenal pelbagai inisiatif mitigasi termasuk sistem amaran awal ekonomi, pengukuhan ekosistem industri serta dana mitigasi iklim bernilai RM100 juta bagi meminimumkan kesan krisis tenaga global susulan ketegangan geopolitik melibatkan Amerika Syarikat dan Iran terhadap ekonomi Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y. A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, konflik berkenaan dijangka memberi kesan langsung kepada landskap ekonomi negeri, khususnya sektor pembuatan, semikonduktor dan utiliti yang bergantung kepada kestabilan rantaian bekalan global serta kos tenaga.



CHOW Kon Yeow.

"Krisis ini mewujudkan ketidaktentuan pasaran dan sentimen pelaburan apabila pelabur asing mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat', sekali gus menyebabkan pertumbuhan pasaran buruh menjadi perlahan.

"Akibatnya, janaan peluang pekerjaan baharu dalam sektor berimpak tinggi menjadi lebih terhad sekali gus mencabar usaha negeri untuk mengekalkan tenaga kerja mahir.

"Kenaikan harga minyak mentah dunia juga telah meningkatkan kos pengeluaran industri berintensiti tenaga tinggi selain menjejaskan bekalan bahan mentah akibat gangguan logistik antarabangsa," ujarnya ketika menjawab soalan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas di sini 11 Mei lalu.

Katanya, syarikat tempatan dan multinasional kini berdepan tekanan aliran tunai berikutan kenaikan kos bahan mentah serta keperluan mendapatkan bekalan alternatif pada harga lebih tinggi.

"Keadaan ini memaksa syarikat mengalihkan dana simpanan untuk pembelian stok segera pada harga premium, yang akhirnya menjejaskan pusingan modal dan keupayaan syarikat untuk melakukan pelaburan semula dalam teknologi atau pengembangan kapasiti.

"Sebagai hab semikonduktor dan elektronik dunia, Pulau Pinang turut terdedah kepada risiko gangguan pengeluaran sekiranya berlaku gangguan pada rantaian bekalan global.

"Sektor ini sangat bergantung kepada rantaian bekalan global yang lancar, yang mana sebarang gangguan pada nod logistik utama akan mencetuskan kesan domino terhadap jadual pengeluaran.

"Situasi ini boleh menyebabkan kelewatan penghantaran produk siap kepada pelanggan antarabangsa dan menjejaskan reputasi negeri sebagai pusat pembuatan berkonsepkan *'just-in-time'*," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Bagi mengurangkan impak tersebut, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan sesi libat urus berterusan bersama komuniti industri strategik seperti *Free Industrial Zone Penang Companies' Association* (FREPENCA), *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM), *Small and Medium Enterprises Association* (SAMENTA) serta *Association of Malaysian Medical Industries* (AMMI).



**INDUSTRI digalakkan mengadaptasi teknologi, automasi dan tenaga solar bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api.**

Selain itu, beliau memberitahu bahawa sistem amaran awal bersepadu turut dilaksanakan bersama Kerajaan Persekutuan menerusi agensi seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri bagi memantau indikator ekonomi serta perdagangan global secara berterusan.

"Kerajaan Negeri juga memberi penekanan terhadap pengekalan pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), peranti perubatan serta automasi.

"Pada masa sama, industri digalakkan mengadaptasi teknologi, automasi dan penggunaan tenaga solar bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan kepada kos operasi yang tinggi," jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melancarkan Dana Mitigasi Iklim bernilai RM100 juta yang mana fasa pertama melibatkan peruntukan RM15 juta untuk pembiayaan, khidmat nasihat, geran dan modal kerja kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi mempercepatkan peralihan industri ke arah pembuatan rendah karbon dan mampan selain sumbangan tambahan RM5 juta daripada Kerajaan Negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa penyedia utiliti seperti Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga terkesan apabila kos operasi diunjurkan meningkat antara 15 hingga 30 peratus susulan kenaikan harga diesel, tarif elektrik dan bahan kimia import bagi rawatan air.

"Walaupun PBAPP mengalami peningkatan kos operasi, pengguna domestik dan industri masih tidak dibebankan," katanya.

## Hasil diterjemah untuk manfaat rakyat

• *Sambungan dari muka 1.*

**• Pemerkasaan Sosial**

Menjamin kesinambungan program kebajikan serta meningkatkan kecekapan pengurusan bencana negeri.

**• Sokongan Ekonomi**

Pemerkasaan sektor industri, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta memacu inisiatif pelaburan bernilai tambah tinggi.

**•Kelestarian Hijau**

Mengutamakan langkah kecekapan tenaga ke arah pembangunan mampan.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan hasil tambahan kepada satu inisiatif khusus semata-mata, sebaliknya dana tersebut disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk diagihkan secara strategik berdasarkan keutamaan semasa.

"Dalam membuat setiap keputusan dasar, Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan keseimbangan antara memperkukuhkan kewangan negeri dengan kemampuan rakyat menghadapi kos sara hidup.

"Prinsip ini menjadi asas supaya pembangunan negeri mampan tanpa mengabaikan kebajikan rakyat," tegasnya.

### Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# 136 sekolah kini dilengkapi *MakerLab*

Oleh : **MOHD. AIZAT SHARIF FISALLUDDIN**

**GEORGE TOWN -** Sebanyak 136 sekolah di seluruh Pulau Pinang kini dilengkapi dengan kemudahan *MakerLab* bagi memperkasa pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) secara lebih praktikal dan interaktif.

Menerusi *Penang Science Cluster* (PSC), inisiatif *MakerLab* dilaksanakan dengan sokongan padu sektor industri, termasuk penyediaan bimbingan mentor profesional kepada pelajar.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata, program berkaitan menyediakan ruang inovasi di sekolah yang dilengkapi dengan peralatan moden seperti pencetak tiga dimensi (3D) dan kit robotik.

"Tujuannya adalah untuk memupuk budaya reka cipta dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan generasi muda.

"Ini kerana Program Pembelajaran Kemahiran Teknikal (TSL) untuk pelajar menengah atas merupakan yang pertama dilaksanakan di negara ini.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang STEM* turut melaksanakan inisiatif membina laluan kemahiran dalam bidang STEM dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Melalui inisiatif TSL, program ini membabitkan pra-Akademi Dalam Industri (ADI) pada peringkat menengah atas, pelajar Tingkatan Empat dan Lima dengan tempoh pelaksanaan selama dua tahun yang mengintegrasikan silibus Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) serta pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)," katanya.



***MAKERLAB* menjadi platform pemangkin inovasi dalam kalangan pelajar sekolah. *(Ihsan: Penang Science Cluster).***

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 14 Mei lalu.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menjelaskan bahawa program yang dilaksanakan berbeza dengan pendekatan TVET konvensional yang bermula selepas tamat persekolahan.

"Program yang bermula pada 2024 ini mengamalkan konsep *'school-to-industry pipeline'*, yang mana pelajar didedahkan lebih awal kepada latihan berasaskan industri melalui pembelajaran secara *'hands-on'*.

"Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran pelajar, malah memberi peluang kepada pelajar golongan B40 untuk memperoleh pendapatan melalui model *'work-study'*," ujarnya.

Tambah beliau, dalam tempoh berkenaan, pelajar lepasan program TSL akan menjalani latihan sebagai perantis, menerima elaun dan pada masa sama mengikuti pengajian bagi memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

"Salah satu pusat pengajian yang disediakan adalah Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) yang menyediakan program latihan industri dan *'apprenticeship'* yang memberi peluang kepada pelajar untuk belajar sambil bekerja," jelasnya.

# AI, *Deep Tech* pacu utama ekosistem STEM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab industri utama di rantau Asia Tenggara menerusi kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri serta agensi berkaitan bagi memperkasakan ekosistem Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Beliau yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi memberitahu bahawa hasil sinergi antara Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak berkepentingan telah mencatatkan pencapaian memberangsangkan dengan rekod penglibatan seramai 303,491 peserta dalam pelbagai program STEM sepanjang tempoh 2023 hingga 2025.

Menurut beliau, pencapaian tersebut dijana melalui agensi-agensi pemacu utama iaitu *Penang Science Cluster* (PSC), *Tech Dome Penang* (TDP) dan yang berkaitan.

"Pusat STEM ini berfungsi sebagai rangkaian kohesif yang melengkapi pelajar dengan kemahiran era teknologi.

"Kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja menumpukan kepada teknologi tinggi, tetapi juga bidang *'deep tech'* dan Kecerdasan Buatan (AI)," ujarnya semasa sesi soalan lisan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 12 Mei 2026.



**JAGDEEP Singh Deo.**

Menjawab soalan yang diutarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan, Jagdeep menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri turut memperkemas agenda perbekalan bakat yang mampan dengan melancarkan *Penang STEM Talent Blueprint*.

Menurut beliau, pelan induk tersebut dirangka selaras dengan Visi Penang2030 dan Strategi Pembangunan Ekosistem Ekonomi Pulau Pinang (SEED) 2023-2028.

Di bawah pelan induk berkaitan, tambahnya, rantai bakat diperkukuh menerusi lima elemen iaitu membangkitkan minat awal melalui pengalaman praktikal *(ignite)*; menerapkan aplikasi sains dunia sebenar dan vokasional di sekolah menengah *(embed)*; merapatkan jurang antara kuliah universiti dengan realiti industri *(immerse)*; membudayakan pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula *(embrace)* serta menarik dan mengekalkan bakat melalui dasar-dasar yang proaktif *(enable)*.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa langkah-langkah proaktif yang diambil sehingga kini sebenarnya bagi mengatasi cabaran ketidakpadanan kemahiran memandangkan permintaan industri di Pulau Pinang kini berada pada tahap yang sangat tinggi dan kompetitif.

## Kutipan zakat rekod peningkatan

**GEORGE TOWN -** Prestasi kutipan zakat di Pulau Pinang terus mencatat peningkatan memberangsangkan apabila merekodkan jumlah kutipan sebanyak RM202.48 juta bagi tahun 2025.

Teks penggulungan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang dibacakan oleh Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol memaklumkan bahawa jumlah tersebut menunjukkan peningkatan 17 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Jumlah agihan zakat turut meningkat kepada RM200.11 juta berbanding RM162.13 juta pada tahun 2024, iaitu peningkatan 23 peratus.

"Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan tahap keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat, malah berperanan penting dalam dalam memastikan kebajikan golongan asnaf terus terbela.

"Pada masa sama, ia turut membantu memperkukuh pembangunan sosioekonomi ummah secara lebih menyeluruh dan mampan," katanya semasa sesi penggulungan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 14 Mei lalu.

Dalam pada itu, Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama Islam turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh pengurusan zakat bagi memastikan hasil kutipan dapat diagihkan secara lebih cekap, telus dan memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Pelan Bandar Mesra Usia capai kemajuan 85 peratus

Gambar: **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 85 peratus bagi pelaksanaan program dan projek di bawah Pelan Tindakan Strategik Age-Friendly City Penang Island (AFCPI) sehingga akhir tahun 2025.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa pencapaian tersebut berdasarkan pencapaian indikator prestasi utama (KPI) dan lapan domain yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Inisiatif Bandar Mesra Usia.


LIM Siew Khim.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee mengenai peranan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam memastikan akauntabiliti serta tindakan konkrit terhadap pihak pelaksana.

"Antara domain yang merekodkan pencapaian tertinggi adalah Domain Perumahan, Penyertaan Sosial serta Sokongan Komuniti dan Perkhidmatan Kesihatan yang masing-masing mencapai 100 peratus.

"Bagi Domain Ruang Luar dan Bangunan pula, tahap pencapaian adalah sebanyak 89.3 peratus menerusi pelbagai usaha menaik taraf taman dan ruang awam supaya lebih mesra warga emas.

"Seterusnya, bagi Domain Pengangkutan, pencapaian adalah sebanyak 88.6 peratus termasuk penambahbaikan armada bas serta penyediaan subsidi pengangkutan kepada warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU)," katanya ketika menjawab soalan berkaitan pada persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 di sini pada 12 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Siew Khim turut menyatakan bahawa Domain Hormat dan Inklusi Sosial kini merekodkan pencapaian sebanyak 65.7 peratus manakala Domain Penyertaan Sivik dan Pekerjaan mencapai 70 peratus menerusi pelbagai inisiatif melibatkan warga emas.

"Selain itu, Domain Komunikasi dan Maklumat pula mencatat pencapaian sebanyak 62.9 peratus melalui usaha memodenkan saluran komunikasi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) supaya lebih mudah diakses oleh semua lapisan umur.

"PWDC turut melaksanakan pemantauan dan penilaian berkala terhadap setiap domain selain mengenal pasti jurang pelaksanaan secara terperinci.

"Segala kelemahan yang dikenal pasti akan dibincangkan bersama agensi pelaksana bagi tujuan penambahbaikan sebelum disusun mengikut keutamaan untuk dimasukkan dalam Pelan Tindakan Strategik Kitaran Dua," jelasnya yang juga ADUN Sungai Pinang.

Dalam perkembangan sama, Siew Khim turut memaklumkan bahawa Pulau Pinang turut menerima pengesahan 'Completion of Cycle 1' daripada WHO sekali gus menjadikan MBPP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang berjaya mencapai status berkenaan.

## Muktamad bayar RM35 juta, ambil alih fasiliti TPSPB

Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri memuktamadkan bayaran sebanyak RM35 juta kepada syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. (PLBT) bagi mengambil alih sepenuhnya pemilikan fasiliti di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB).

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye memaklumkan bahawa langkah tersebut diambil susulan penamatan kontrak konsesi syarikat berkenaan pada 1 Ogos 2022 akibat prestasi yang tidak memuaskan, selain memenuhi klausa perjanjian yang mewajibkan kerajaan membeli semula aset yang dibina di tapak tersebut.

Mengulas lanjut, Mooi Lye berkata bahawa syarikat berkenaan pada asalnya mengemukakan tuntutan awal yang jauh lebih tinggi iaitu sebanyak RM84.47 juta.

"Walau bagaimanapun, melalui beberapa sesi mediasi bersama Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), semua pihak akhirnya bersetuju dengan nilai RM35 juta.

"Bayaran ini meliputi pemindahan hak milik fasiliti kritikal termasuk sel pembuangan sampah dan loji rawatan air larut resap (leachate) bagi memastikan operasi tapak berjalan lancar di bawah kendalian PBT," katanya semasa sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 13 Mei 2026.


JASON H'ng Mooi Lye.

Menjawab lanjut perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Mooi Lye memberitahu bahawa sehingga kini MBSP telah menjelaskan bayaran pertama sebanyak RM9.87 juta pada Mac 2025, manakala MBPP menjelaskan bayaran kedua berjumlah RM9.83 juta pada Oktober 2025.

Selain itu, Mooi Lye yang juga ADUN Jawi menjelaskan bahawa peningkatan kos pengurusan tapak sejak tahun 2024 sukar dielakkan berikutan perubahan dasar ekonomi negara.

Menurut beliau, antara faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan kos tersebut adalah penyelarasan harga diesel mengikut harga pasaran, kenaikan kadar cukai perkhidmatan serta pelaksanaan kadar gaji minimum baharu.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menjawab isu kebakaran yang berlaku di tapak tersebut pada 21 Mac 2026 lalu.

"Hasil siasatan mendapati insiden berpunca daripada pengumpulan gas metana akibat proses pereputan sisa, ditambah dengan cuaca kering dan kehadiran bahan mudah terbakar seperti aerosol serta bateri yang mencetuskan api akibat suhu persekitaran yang tinggi.

"Kini, tanggungjawab penuh pengurusan TPSPB terletak di bawah MBSP dengan pemantauan lebih ketat bagi mengelakkan kejadian berulang," ujarnya.

## Perintah Khidmat Masyarakat mulai 1 Julai

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan mula menguat kuasa Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bagi kesalahan pembuangan sampah kecil di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bermula 1 Julai 2026.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye memberitahu bahawa langkah tersebut merupakan satu bentuk hukuman alternatif yang bersifat mendidik bagi meningkatkan kesedaran sivik dan menjaga kebersihan di Pulau Pinang.

"Pelaksanaan PKM di negeri Pulau Pinang selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 [Akta A1772] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1974 [Akta A1773]," jelasnya ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 14 Mei 2026.

Mengulas lanjut, Mooi Lye menyatakan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan berperanan dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan program PKM dengan menentukan jenis aktiviti yang bersesuaian, lokasi pelaksanaan serta jadual kerja bagi pesalah.

"Pelaksanaan ini turut disokong melalui penyediaan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang menetapkan kaedah pelaksanaan, pengiraan jam khidmat serta mekanisme pengawasan yang teratur dan seragam," ujarnya yang juga ADUN Jawi.

Walaupun PKM bersifat hukuman, beliau memberitahu bahawa aspek keselamatan dan kebajikan pesalah tetap diberi perhatian dengan mereka akan diselia oleh pegawai bertanggungjawab.

"Sekiranya berlaku kecemasan, pesalah akan segera dibawa ke fasiliti kesihatan.

"Walau bagaimanapun, kegagalan mematuhi perintah ini boleh menyebabkan pesalah dirujuk semula ke mahkamah untuk tindakan lanjut," tambahnya.

Ditanya lanjut, Mooi Lye memberitahu bahawa pelaksanaan PKM tersebut tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada Kerajaan Negeri kerana menggunakan sumber manusia dan logistik sedia ada pada peringkat PBT.

### Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# NR-REE, tidak buat keputusan terburu-buru

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri tidak akan membuat keputusan secara terburu-buru berhubung sebarang cadangan penerokaan dan perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Pulau Pinang.



**S. Sundarajoo.**

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata, walaupun sumber mineral tersebut kini mendapat perhatian global bagi menyokong industri berteknologi tinggi serta ekonomi hijau, penelitian secara menyeluruh perlu dilakukan sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Menurut beliau, aspek pemeliharaan alam sekitar, sumber air, keselamatan cerun dan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan dalam setiap penilaian kebolehlaksanaan yang dijalankan.

"Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama agensi teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Malah, kita kini dalam proses menggubal Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang bagi memastikan aktiviti pembangunan berkaitan NR-REE dilaksanakan secara terkawal dan berintegriti," katanya dalam ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 13 Mei 2026.

Mengulas lanjut, Sundarajoo menyatakan bahawa pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang permohonan penerokaan dan perlombongan sumber semula jadi yang melibatkan kawasan sensitif seperti hutan simpan, Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), kawasan tadahan air serta tanah pertanian berkualiti tinggi.

"Semua cadangan wajib mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan melalui proses Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)," tegas beliau.

Menyentuh mengenai kebimbangan implikasi geopolitik dan penyalahgunaan REE untuk tujuan persenjataan, beliau memberi jaminan bahawa Pulau Pinang sentiasa berpandukan dasar Kerajaan Persekutuan.

Jelasnya, operasi REE di Malaysia tertakluk kepada pelbagai lapisan kawalan termasuk Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 selain dipantau secara ketat oleh agensi keselamatan serta dasar pelaburan negara.

Dalam perkembangan lain, Sundarajoo turut menyatakan sokongan penuh terhadap usaha mengangkat tiga hutan simpan di Seberang Perai Utara sebagai sebahagian daripada rangkaian *East Asian–Australasian Flyway Partnership* (EAAFP).

Beliau berkata, kawasan yang terlibat adalah Hutan Simpan Kuala Bekah, Hutan Simpan Pasir Gebu dan Hutan Simpan Lahar Endin.

"Langkah strategik ini bertujuan melindungi habitat kritikal burung migrasi dan memperkukuh kedudukan kawasan tersebut sebagai *'ecological hotspot'* bagi kestabilan ekosistem pesisir pantai.

"Selain nilai saintifik, pengiktirafan antarabangsa ini juga berpotensi merancakkan sektor ekopelancongan berimpak rendah karbon yang mampu memberi manfaat ekonomi secara langsung kepada komuniti setempat," jelasnya lagi.

Sebagai langkah tambahan dalam pemuliharaan alam sekitar, beliau memaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kini pada peringkat akhir penyediaan Permohonan Cadangan (RFP) bagi Program Sungai Hijau.

"Program tersebut memfokuskan kepada usaha meningkatkan kualiti air di muara sungai utama melalui pemantauan saintifik bagi memastikan ekosistem, termasuk di kawasan Pantai Esen, terus kekal mampan untuk generasi akan datang," katanya.

## Lensa Buletin



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long merakam swafoto bersama Ketua Menteri serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri sejurus selesai istiadat perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, baru-baru ini.



PEGAWAI Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali (berbatik ungu) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng (berbatik merah), ADUN Bagan Jermal, Chee Yeeh Keen (kiri) dan ADUN Seri Delima, Tan Hooi Peng (depan) menikmati durian sempena pelancaran Kempen Makan Sayur & Buah Tempatan di perkarangan bangunan Dewan Undangan Negeri pada 14 Mei lalu.




## Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Kos minyak sektor agroteknologi diberi perhatian

Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri mengakui sektor agroteknologi dan keterjaminan makanan di Pulau Pinang kini berdepan cabaran susulan kenaikan kos bahan diesel dan petrol yang dijangka meningkatkan kos operasi jentera pertanian sehingga 40 peratus.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol dalam ucapan penggulungannya menegaskan bahawa kegusaran yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan tekanan kos minyak sedang diberi perhatian serius menerusi mekanisme bantuan bersasar dan pengukuhan insentif.



Rashidi Zinol.

Rashidi yang juga ADUN Sungai Acheh berkata, kenaikan harga diesel memberi impak langsung terhadap penggunaan traktor, jentuai dan pam air di negeri ini.

"Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan pemberian bantuan khusus kepada pesawah dan penternak yang terkesan.

"Kita mahu pastikan setiap bantuan benar-benar sampai kepada golongan sasaran bagi mengurangkan beban kos operasi agar pengeluaran makanan tempatan kekal stabil," katanya kepada Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Azrul Mahathir Aziz di sini pada 14 Mei 2026.

Tambah Rashidi, antara strategi utama negeri bagi membantu golongan terjejas akibat kenaikan kos pertanian adalah meningkatkan kadar Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) daripada RM160 kepada RM300 per hektar bagi setiap musim berkuat kuasa mulai musim 1/2026.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju membayar RM200 secara pendahuluan daripada jumlah bantuan tersebut yang bakal memanfaatkan hampir 5,600 pesawah berdaftar di Pulau Pinang.

"Bagi mengelakkan manipulasi harga oleh pihak swasta, Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang (PPNJ) akan memperkukuh pengurusan jentera pembajak dan penuaian sendiri bagi memastikan kadar sewaan kekal munasabah," jelasnya.

Di sebalik cabaran kos minyak, Rashidi berkata, sektor agromakanan negeri menerima suntikan positif apabila Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyalurkan peruntukan berjumlah RM6.9 juta bagi Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN) 2026.

"Sebanyak sembilan projek utama melibatkan sektor padi, nanas dan akuakultur telah diluluskan. Secara keseluruhan, Jabatan Pertanian Negeri menguruskan dana berjumlah RM12.097 juta pada tahun ini bagi memacu pembangunan sektor tersebut," ujarnya.

Menjawab persoalan mengenai peranan Penang Agrotech Sdn. Bhd. (PASB), Rashidi menegaskan bahawa tiada pertindihan fungsi berlaku dengan agensi sedia ada.

"PASB bertindak sebagai agensi koordinasi dan operator komersial, termasuk projek *Penang Durian Valley @Relau* yang dijangka siap pada 2027," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut berkongsi kejayaan Beras Cap Feri yang mendapat sambutan menggalakkan dengan sejumlah 14,854 kampit terjual pada tahun 2025 dan 9,913 kampit terjual sehingga April tahun ini.

# Hasil akuakultur catat peningkatan ketara

**GEORGE TOWN** – Sektor akuakultur negeri terus mempamerkan prestasi cemerlang apabila mencatat peningkatan hasil pengeluaran yang signifikan dengan jumlah mencecah 64,987 tan metrik bagi tahun 2025 berbanding 56,051.12 tan metrik pada tahun sebelumnya.

Lonjakan produktiviti tersebut didorong oleh penyaluran peruntukan berjumlah RM3.6 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada 77 penerima yang mengusahakan ternakan akuakultur di negeri ini sepanjang tahun 2025.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan serta Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol berkata, selain bantuan tersebut, KPKM turut menyalurkan RM880,000 khusus bagi projek pelepasan benih ikan ke perairan umum serta RM350,000 untuk bantuan peralatan *Break and Protect 2* (BP2) kepada 40 penternak akuakultur.

"Keberkesanan inisiatif ini terbukti apabila hasil pendaratan ikan meningkat sebanyak 25 peratus, sekali gus memberi impak positif kepada pendapatan nelayan dan pengusaha tempatan," katanya ketika menjawab Soalan Lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Fahmi Zainol sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 13 Mei 2026.

Selain sektor perikanan, Rashidi menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada transformasi sektor agromakanan melalui pemodenan pertanian pintar bagi mendepani isu keluasan tanah yang terhad.

Antara strategi utama yang digariskan, menurut beliau, termasuk penggunaan teknologi dron dan mekanisasi ladang bagi meningkatkan hasil setiap hektar, khususnya bagi subsektor padi yang melibatkan keluasan 11,858 hektar.

Tambah Rashidi, pengurusan ladang secara berpusat dengan menggabungkan lot sawah kecil milik individu ke dalam satu pengurusan kolektif yang lebih efisien turut diamalkan.

"Pelaksanaan projek tanaman rumput napier di UiTM Kampus Bertam oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) adalah bagi menjamin bekalan makanan ternakan ruminan sentiasa tersedia.

"Selain itu, bantuan kewangan secara *'one-off'* serta input pertanian turut disalurkan kepada pesawah dan pengusaha tanaman buah-buahan bagi mengurangkan beban kos operasi," ujarnya yang juga ADUN Sungai Acheh.

Bagi pelan jangka panjang pula, Rashidi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Draf Laporan Akhir Kajian Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (RSNPP2040) telah menetapkan Zon Sumber Bekalan Makanan bagi memastikan kawasan pertanian yang produktif terus terpelihara.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut diperkukuh melalui pemantauan kawalan harga dan pelaksanaan Program Jualan Rahmah MADANI yang menawarkan harga barangan 10 hingga 30 peratus lebih rendah bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat.

# Pengurusan dana zakat patuhi syarak, tatacara

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid menegaskan bahawa pengurusan dana zakat dan tadbir urus institusi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dilaksanakan selaras dengan hukum syarak, garis panduan kewangan serta prosedur yang berkuat kuasa.

Teks penggulungan beliau yang dibaca oleh Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol menyatakan bahawa isu melibatkan kakitangan Zakat MAINPP juga ditangani berdasarkan prosedur dalaman serta peraturan tatatertib syarikat.

"Walau bagaimanapun, memandangkan perkara tersebut kini dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, pihak Zakat MAINPP tidak dapat mengulas lanjut bagi mengelakkan sebarang kenyataan yang boleh menjejaskan prosiding mahkamah," katanya semasa sesi penggulungan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini 14 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Mohamad memaklumkan bahawa dakwaan penggunaan wang zakat sebagai dana pembiayaan kepada Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPP) merujuk kepada kelulusan pembayaran peruntukan bagi tujuan pengoperasian syarikat tersebut yang dimeterai pada tahun 2021.

Tambah beliau, WPP merupakan anak syarikat milik penuh MAINPP yang ditubuhkan bagi mengurus dan membangunkan hal ehwal wakaf di negeri ini.

"Pembiayaan tersebut dibuat menggunakan peruntukan zakat di bawah Peruntukan Khas MAINPP iaitu daripada bahagian upah amil tertakluk kepada kelulusan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

"Peruntukan khas ini tidak melibatkan dana agihan zakat kepada kategori asnaf lain," jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Pada masa sama, Mohamad turut memberitahu bahawa peruntukan tersebut digunakan bagi menampung kos operasi syarikat untuk memastikan pengurusan dan pembangunan wakaf di Pulau Pinang dapat dilaksanakan secara lancar dan berkesan.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan bahawa sebarang penggunaan dana zakat termasuk bagi tujuan pembelian tanah atau hartanah perlu mematuhi hukum syarak, garis panduan agihan zakat serta mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan.

"Perkara berkaitan juga akan dirujuk kepada pihak berautoriti syariah termasuk Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Syariah Zakat MAINPP bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan hukum syarak," tambahnya.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Balik Pulau, Seberang Perai terus diperkasa

Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** - Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa pihaknya akan memperkembang industri pelancongan negeri secara seimbang dengan memperhebat program promosi kawasan pelancongan di sekitar Balik Pulau dan Seberang Perai.


WONG Hon Wai.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong berkata, bagi kawasan Balik Pulau, kempen *'The Other Side of the Island'* kendalian Penang Global Tourism (PGT) terus menjadi tunjang utama dalam mengetengahkan keindahan semula jadi dan keunikan budaya di kawasan tersebut.

"Balik Pulau mempunyai daya tarikan tersendiri terutama apabila tiba musim durian yang sentiasa menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Selain ekopelancongan, kita juga mempromosikan pelancongan sukan menerusi penganjuran acara tahunan seperti *Balik Pulau Half Marathon* dan *Pantai Malindo Half Marathon* yang berjaya menarik penyertaan ramai peminat sukan larian ke sini," ujarnya ketika sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas di sini pada 13 Mei 2026.

Mengulas lanjut mengenai pembangunan di Seberang Perai, Hon Wai menjelaskan bahawa kempen *'The Opposite Side of the Island'* turut dipergiat bagi memastikan kawasan tersebut tidak ketinggalan dalam peta pelancongan negeri.

Menurut beliau, ekosistem pelancongan di Seberang Perai kini diperkukuh melalui Program Geran Pekan Kecil 'Levelling Up Seberang Perai' (LUSP) oleh Think City Sdn. Bhd. (Think City) yang melibatkan pelancaran 12 bahan promosi baharu termasuk peta, buku panduan dan filem pendek.

"Satu Memorandum Persefahaman (MoU) juga telah dimeterai antara PGT dan Think City untuk memperkukuh kerjasama strategik menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Usaha ini merangkumi pembangunan komuniti, pemerkasaan perusahaan tempatan serta penaiktarafan ruang awam yang menghubungkan aset budaya dan alam semula jadi di Seberang Perai," katanya.

Tambah Hon Wai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini sedang giat menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan merangkumi aspek sejarah, gastronomi dan ekopelancongan di seluruh daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) yang dijangka siap pada penghujung 2026.

Dalam pada itu, beliau turut menyentuh mengenai kejayaan pembangunan *Robina Ecopark* di Telok Air Tawar yang kini menjadi salah satu mercu tanda rekreasi keluarga yang penting di Seberang Perai.

"Pembangunan *Robina Ecopark* bagi Fasa I dan II yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM3.85 juta adalah berpaksikan konsep hijau dan pintar selaras dengan Visi Penang2030.

"Dengan keluasan 13 ekar, taman ini menyediakan kemudahan rekreasi, sukan dan kesenian yang meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat," ujarnya.

Selain *Robina Ecopark*, difahamkan, produk pelancongan lain seperti Galeri Arkeologi Guar Kepah, *'Penang River Cruise'* di Juru, serta kehadiran Bertam Resort yang kini di bawah jenama antarabangsa *Marriott Bonvoy Club*, turut meletakkan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

# Kajian reka bentuk RTB Sungai Lahar Endin jangka siap Disember

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding bagi menjalankan Kajian Reka Bentuk Terperinci untuk mengurangkan risiko banjir di Lembangan Sungai Lahar Endin.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa kajian tersebut dilaksanakan bagi menentukan kaedah mitigasi paling bersesuaian termasuk melibatkan kawasan Sungai Lahar Endin dan Sungai Lahar Tiang.

"Sebagai makluman, kajian berkenaan kini masih berada pada peringkat penyediaan reka bentuk konsep dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2026.

"Sebagai langkah pencegahan banjir di kawasan *hotspot* sementara menunggu projek dilaksanakan, JPSPP sedang menjalankan kerja-kerja menaik taraf tebing sungai serta pembersihan kelodak *(desilting)* menerusi Program Pemuliharaan Sungai.

"Kerja-kerja tersebut melibatkan Sungai Lahar Tiang dan Sungai Tembus bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan terlibat," katanya ketika menjawab Soalan Lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Bukhori Ghazali pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 di sini pada 12 Mei lalu.


ZAIRIL Khir Johari.

Zairil yang juga ADUN Tanjong Bunga memaklumkan bahawa Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Lahar Endin masih belum dimulakan buat masa ini.

"Cadangan projek fizikal hanya akan dilaksanakan selepas kajian reka bentuk terperinci tersebut siap sepenuhnya," ujarnya.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu bahawa pihaknya turut menerima beberapa aduan berkaitan isu penyelenggaraan sungai serta sistem saliran di beberapa kawasan yang berdepan masalah serupa.

"Antara faktor yang dikenal pasti adalah kekangan peruntukan penyelenggaraan yang menyebabkan kekerapan kerja-kerja berkaitan terpaksa dikurangkan.

"Sehubungan itu, perbincangan bersama Pegawai Kewangan Negeri akan diadakan bagi melihat keperluan untuk meningkatkan semula peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) supaya kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan," katanya lanjut.

## Pelancongan perubatan jana lebih RM1.1 bilion

**GEORGE TOWN** - Berdasarkan data daripada *Penang Centre of Medical Tourism* (PMED), jumlah pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan di Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah seramai 418,608 orang dengan menjana pendapatan sebanyak RM898,070,127.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata, data tersebut melibatkan 16 hospital swasta di negeri ini.

"Bagi tahun 2025, bilangan pesakit warga asing meningkat kepada 527,176 orang, iaitu peningkatan sebanyak 25.94 peratus, dengan janaan pendapatan mencecah RM1,136,924,434 yang memperlihatkan peningkatan 26.60 peratus berbanding tahun sebelumnya," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab Soalan Lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini 11 Mei lalu.

Mengulas strategi bagi merancakkan sektor pelancongan perubatan, Hon Wai menyatakan bahawa *Malaysia Year of Medical Tourism 2026* (MYMT) bekerjasama dengan syarikat penerbangan bagi membawa masuk lebih ramai pelancong perubatan dari rantau ini.

Menurut beliau, antara inisiatif dilaksanakan termasuk kerjasama bersama syarikat penerbangan, *AirAsia* menerusi program *Boarding Pass Privileges*.

"Penumpang yang mempunyai pas masuk *(boarding pass)* dari luar Malaysia layak menikmati diskaun 15 peratus bagi pakej pemeriksaan kesihatan sekiranya mereka memegang pasport asing.

"Program ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2026," ujarnya.

Tambah Hon Wai, kemudahan pembayaran turut dipertingkat menerusi penawaran pembayaran dalam mata wang negara asal pesakit seperti Rupiah Indonesia menggunakan kod *Quick Response Indonesian Standard* (QRIS).

"Melalui kemudahan ini, jumlah bayaran dipaparkan dalam Rupiah dan pesakit tidak perlu membuat pengiraan kadar pertukaran mata wang," ulasnya lanjut.

Hon Wai yang juga ADUN Paya Terubong berkata, akses penerbangan ke destinasi yang mempunyai permintaan tinggi terhadap pelancongan perubatan turut diperkukuh, termasuk bandar-bandar seperti Medan, Aceh, Jakarta dan Surabaya di Indonesia, selain Yangon di Myanmar serta beberapa negara ASEAN dan Asia Timur.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-15

# Perpaduan dibudayakan dalam kehidupan harian

Gambar : **DARWINA. MOHD DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri mahu aspek penyertaan belia, wanita serta pembabitan masyarakat pelbagai kaum dalam struktur komuniti terus diberi perhatian.

Langkah itu penting bagi memastikan agenda perpaduan dapat dilaksanakan secara lebih inklusif, menyeluruh dan berdaya tahan.

Exco Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Goh Choon Aik berkata, dalam memperkasakan agenda berkenaan, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh peranan komuniti setempat.



GOH Choon Aik.

"Ini dilaksanakan melalui kerjasama erat bersama lebih 527 Kawasan Rukun Tetangga (KRT), 375 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta rangkaian Skim Rondaan Sukarela (SRS) di seluruh negeri.

"Kekuatan jaringan komuniti ini amat penting bagi memastikan agenda perpaduan, keselamatan komuniti dan kesejahteraan rakyat terus diperkasakan secara berkesan pada peringkat akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 13 Mei lalu.

